



JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Mohd Sobri, M. S., & Kamsani, S. R. (2025). Intervensi kaunseling dalam menangani isu tingkah laku seksual dalam kalangan remaja. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 28(1), 51-66. <https://doi.org/10.32890/jps2025.28.1.4>

INTERVENSI KAUNSELING DALAM MENANGANI ISU TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA

(Counseling Interventions in Addressing Sexual Behavior Issues among Adolescents)

¹**Muhammad Syafiq Mohd Sobri & Siti Rozaina Kamsani**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author: muhdsyafiqsmith@gmail.com*

Received: 30/07/2024

Revised: 15/07/2025

Accepted: 30/07/2025

Published: 31/07/2025

ABSTRAK

Masalah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja adalah isu yang semakin membimbangkan di mana ia mempengaruhi kesejahteraan mental dan fizikal serta masyarakat secara keseluruhan. Intervensi kaunseling memainkan peranan penting dalam menangani isu ini dengan menyediakan sokongan psikososial dan pendidikan yang diperlukan untuk mengubah tingkah laku seksual yang berisiko. Program intervensi kaunseling yang efektif tidak hanya memberikan maklumat mengenai risiko dan tanggungjawab seksual, tetapi juga menawarkan sokongan emosi yang diperlukan untuk membuat perubahan yang berterusan. Pendekatan yang melibatkan remaja secara aktif melalui perbincangan interaktif dan latihan praktikal membantu mereka memahami dan mengatasi tekanan sosial yang mendorong tingkah laku seksual berisiko. Berdasarkan kajian-kajian lepas, matlamat artikel ini adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan senario yang berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini. Perbincangan ini juga akan menumpukan dapatan kajian lepas berkaitan dengan tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di samping berkongsi pandangan yang merangkumi isu – isu semasa intervensi kaunseling yang melibatkan golongan remaja bagi menangani isu seksualiti ini.

Kata kunci: Tingkah laku seksual, remaja, intervensi kaunseling.

ABSTRACT

Sexual behavior problems among adolescents are an increasingly concerning issue, as they impact both mental and physical well-being as well as society as a whole. Counseling interventions play a vital role in addressing this issue by providing the necessary psychosocial and educational support to change the risk of sexual behavior. Effective counseling intervention programs not only provide information about sexual risks and responsibilities but also offer the emotional support needed to make lasting changes. Approaches that actively engage adolescents through interactive discussions and practical training help them understand and overcome the social pressures that lead to risky sexual behaviors. Based on previous studies, the aim of this article is to share information regarding the current scenarios faced by adolescents. This discussion will also focus on past research findings related to adolescent sexual behavior while offering insights into current issues surrounding counseling interventions targeted at adolescents to address matters of sexuality.

Keywords: *Sexual behavior, adolescents, counseling intervention.*

PENGENALAN

Remaja merupakan aset penting bagi pembangunan negara, namun mereka juga menghadapi berbagai-bagai masalah sosial yang kompleks dan berpotensi menghambat perkembangan positif mereka. Di Malaysia, masalah sosial dalam kalangan remaja mencakup berbagai-bagai isu seperti penyalahgunaan dadah, masalah kesihatan mental, penglibatan dalam kegiatan jenayah dan isu berkaitan hubungan serta seksual. Isu yang menjadi semakin barah dalam masyarakat kini ialah isu berkenaan jenayah dadah dan seksual. Melihat pada isu jenayah seksual kini ia semakin membimbangkan terutamanya dalam kalangan remaja yang masih bersekolah atau yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi di negara ini. Hal ini disebabkan kerana pengaruh negatif yang telah menyerap dalam budaya hidup masyarakat di negara ini.

Saban tahun di negara kita, isu sosial dilihat semakin menjadi perhatian dengan pelbagai masalah yang dilakukan oleh golongan remaja terutamanya. Hal ini demikian kerana remaja pada masa kini mempunyai keinginan yang tinggi serta mempunyai peluang untuk melakukan perkara yang diinginkan oleh mereka. Jika dilihat statistik jenayah yang melibatkan golongan remaja juga menunjukkan peningkatan saban tahun (Utusan Malaysia, 2024). Jika dilihat pada hari ini, golongan remaja adalah mewakili 25 peratus penduduk Malaysia. Menurut Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Nancy berkata, data 2023 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa populasi remaja Malaysia yang berumur antara 13 hingga 24 tahun ialah seramai 8.4 juta orang. Ini sekali gus membuktikan bahawa populasi remaja telah meningkat pada tahun 2023 yang lalu (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2024).

Fasa perkembangan remaja ialah peringkat transisi daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa (Azizi Yahaya, 2005). Di peringkat ini, remaja akan melalui proses penyesuaian terhadap perubahan fizikal, fisiologikal serta pembentukan identiti diri. Remaja akan membentuk identiti mereka dalam fungsi masyarakat menerusi proses sosialisasi (Faison, 2016). Kajian oleh Azman et al. (2023) menekankan bahawa perubahan hormon semasa akil baligh mempengaruhi perkembangan emosi dan tingkah laku remaja, yang seterusnya dipengaruhi oleh norma budaya dan harapan masyarakat terhadap peranan gender. Remaja lelaki dan perempuan di Malaysia menghadapi tekanan sosial yang berbeza dalam menyesuaikan diri dengan peranan yang ditetapkan oleh budaya.

Alam remaja juga dikenali sebagai satu tempoh peralihan dalam pusingan hidup yang melibatkan banyak perubahan yang berlaku, termasuklah dari pelbagai aspek iaitu dari segi perkembangan fizikal, emosi dan kognitif diri di mana ia mula minat berhubung dengan rakan sebaya serta mula belajar peranan kerja, peranan dalam keluarga dan sebagai warga dalam masyarakat (Abdul et al., 2022). Justeru itu, fasa ini sering dibahagikan kepada tiga peringkat utama yang terdiri dari awal remaja (10–13 tahun), remaja pertengahan (14–16 tahun), dan remaja akhir (17–19 tahun), di mana setiap fasa membawa cabaran dan keperluan perkembangan yang berbeza. Di setiap peringkat ini terdapat ciri-ciri perkembangan fizikal, kognitif, emosi dan sosial yang berbeza. Pada tahap peringkat awal remaja, perubahan yang paling ketara berlaku dalam aspek biologikal, terutamanya melalui proses akil baligh yang mencetuskan perkembangan ciri-ciri seksual sekunder seperti pertumbuhan bulu badan, perubahan suara, perkembangan payudara bagi perempuan, serta perubahan hormon yang berkait rapat dengan fungsi reproduktif (Santrock, 2020).

Kajian oleh Noor Azimah (2023) mendedahkan bahawa beberapa remaja di Malaysia, terutama pelajar kolej, terdedah kepada pornografi dalam talian dan cenderung mengamalkan seks bebas. Walau bagaimanapun, perkembangan dalam bidang penyelidikan serta kajian yang dilaksanakan terutamanya berkenaan isu remaja yang berkait dengan masalah sosial yang melibatkan tingkah laku seksual dilihat semakin mendapat perhatian dan mula dikaji dari pelbagai sudut dan segenap aspek kehidupan. Perkara ini telah memberi gambaran yang serius serta semakin merumitkan kerana saban hari kes peningkatan masalah sosial semakin meningkat. Kes-kes ini sering berlaku terutamanya kepada remaja yang bersekolah mahupun pelajar di institut pengajian tinggi yang juga merupakan golongan belia yang digambarkan melalui pelbagai aktiviti tidak bermoral seperti perilaku seks bebas, penghamilan luar nikah, jenayah rogol, dadah, penagihan, pemerdagangan seperti pelacuran serta buli secara mental (psikologi) dan fizikal (agresif) (Norsahida et.al, 2021).

Justeru itu, menjadi kewajipan semua pihak termasuklah agensi dan badan kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO) untuk memainkan peranan dalam mengatasi masalah ini. Dengan adanya mekanisme yang sewajarnya seperti intervensi kaunseling seksual dan pendidikan seksual yang sewajarnya ia akan membantu remaja yang terlibat atau yang mempunyai kecenderungan untuk terjerumus dalam kancang tersebut terutamanya melibatkan tingkah laku seksual dapat di beri pertolongan yang sewajarnya.

ISU SOSIAL REMAJA PADA MASA KINI

Di Malaysia, remaja merupakan kumpulan yang boleh dikelompokkan sebagai individu yang menjadi penyumbang kepada pembangunan negara. Walaupun begitu, terdapat pelbagai cabaran sosial yang semakin rumit pada masa kini. Perkara ini disebabkan remaja kini mudah terdedah dengan anasir-anasir luar yang tidak sihat. Hal ini disokong oleh Mohamaed Fadzil Che Din (2019) yang menyatakan ancaman sosial merupakan ancaman yang semakin membimbangkan. Hal ini kerana gejala sosial yang berlaku adalah berpunca dari kegagalan remaja yang menyalahgunakan platform media sosial ke arah yang tidak sepatutnya sehingga mempunyai keinginan mencuba sesuatu perkara yang baru dan tidak wajar mereka cuba di usia remaja. (Fareez Azman, 2019).

Menurut Utusan Malaysia (2024), gejala sosial dalam kalangan remaja merupakan fenomena yang kian membimbangkan pada hari ini. Remaja hari ini menunjukkan peningkatan penglibatan dalam gejala sosial yang semakin membimbangkan. Pada masa lalu, masyarakat tidak memberi penekanan serius terhadap isu ini kerana ia tidak dianggap sebagai satu cabaran utama. Akan tetapi, kini gejala ini bukan sahaja membimbangkan dalam kalangan masyarakat sahaja malah sehingga ke peringkat negara.

Menurutnya lagi, gejala sosial berlaku akibat sikap sesetengah golongan dewasa yang menubuhkan institusi keluarga atas nilai yang rapuh. Hal ini telah menyebabkan terdapat sebahagian besar ibu bapa yang menjalankan tanggungjawab mereka kepada anak-anak tanpa menitikberatkan pembentukan akhlak dan agama yang sewajarnya. Malah ibu bapa moden kini lebih menyerahkan tanggungjawab mereka kepada sekolah atau pusat asuhan dalam mendidik anak-anak mereka.

Menurut Norsahida et al. (2021), gejala sosial menjadi suatu fenomena modenisasi dan lembaran baru kejutan budaya di mana ia menjadi isu berbangkit melanda golongan remaja dan juga belia di negara ini. Perkara ini seolah-olah memberi suatu gambaran yang parah dalam nilai kehidupan di kalangan masyarakat di Malaysia. Tambahan pula, perkara ini semakin merumitkan kerana terdapat peningkatan kes dan masalah gejala sosial setiap tahun. Kes-kes ini sering berlaku dalam kalangan pelajar sekolah, remaja dan juga belia serta dapat digambarkan melalui perilaku seks bebas, hamil luar nikah, rogol, dadah, penagihan, pemerdagangan seperti pelacuran serta buli secara mental (psikologi) dan fizikal (agresif).

Menyelusuri isu sosial yang melibatkan remaja kini yang semakin membimbangkan negara pada hari ini. Terdapat banyak dilaporkan di dada akhbar mengenai isu tingkah laku seksual berbanding jenayah lain. Sebagai contohnya jika dilihat pada hari ini isu berkaitan dadah adalah kurang diperkatakan berbanding isu kehamilan luar nikah, rogol dan isu hubungan sejenis. Tambahan pula remaja kini semakin hari semakin tidak memahami tujuan hidup mereka dan melanggar norma kehidupan dengan melakukan aktiviti tidak bermoral. Malahan, ramai dari kalangan mereka yang mudah terjebak dengan gejala sosial yang tidak bermoral. Perkara ini dapat dilihat telah banyak berlakunya pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, aktiviti berfoya-foya, budaya melepak dan bersuka ria di kelab malam telah menjadi sesuatu kebiasaan. Menurut Wan Abdul Fattah et al. (2022) turut menyatakan bahawa budaya barat yang dilihat telah sebatikan kehidupan anak muda seolah-olah telah meracuni dengan budaya hedonisme, sekularisme, liberalisme dan pelbagai lagi sehingga menyebabkan cara pemikiran, pemakaian, pergaulan, hiburan dan cara hidup mula berubah.

Hal ini telah mendapat perhatian sehingga ke peringkat kerajaan dan kementerian, termasuklah dibincangkan sehingga ke peringkat Dewan Parlimen Malaysia. Hal ini dipandang serius apabila mantan Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim menyeru kepada semua pihak terutamanya parti politik di negara ini supaya bersatu untuk mengatasi pelbagai masalah sosial yang melanda. Menurutya lagi, kekejaman sosial yang berlaku dalam kalangan remaja dan belia khususnya harus sama-sama difikirkan dan perlu bertindak dengan segera terutama dalam kalangan pemimpin masyarakat dan pemimpin politik (Khuzairi Ismail, 2022). Masalah-masalah sosial itu yang disifatkan seperti penyakit barah yang dapat memusnahkan keharmonian keluarga seterusnya menjejaskan pembangunan masa depan negara.

TINGKAH LAKU SEKSUAL YANG MELIBATKAN REMAJA

Menurut Norsahida et al. (2021) menyatakan tingkah laku adalah merujuk kepada satu tindakan atau perbuatan individu yang melalui dari segi percakapan (verbal) ataupun fizikal (non-verbal) melalui input yang diperoleh hasil dari interaksi dalam menterjemahkan maklumat yang diterima kepada perbuatan serta tindakan. Sementelahan itu, tingkah laku juga dipengaruhi melalui emosi individu dalam bertindak balas mahupun bertingkah laku semasa berinteraksi melalui konteks sosial masyarakat. Melalui teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura yang berpendapat bahawa individu akan

bertindak dan bertingkah laku melalui perkara yang dialami dengan melihat seseorang dalam kehidupannya yang dijadikan sebagai *role model*.

Tingkah laku seksual merujuk kepada pelbagai tindakan dan ekspresi yang berkaitan dengan seksualiti seseorang. Pandangan tentang tingkah laku seksual boleh berbeza-beza berdasarkan latar belakang budaya, agama, dan disiplin ilmu yang berbeza. Menurut Lumen Learning (2019) berkaitan dengan pandangan Sigmund Freud yang menggunakan istilah "libido" untuk merujuk kepada tenaga atau dorongan seksual yang merupakan salah satu naluri asas manusia. Menurut Freud, libido adalah pusat kepada perkembangan dan tingkah laku seksual seseorang. Libido adalah tenaga kehidupan yang berkaitan dengan keinginan dan aktiviti seksual. Freud percaya bahawa libido adalah kekuatan yang mendorong kebanyakan tingkah laku manusia, baik yang disedari mahupun yang tidak disedari.

Libido yang dimaksudkan oleh Freud adalah nafsu yang mendorong seseorang untuk mendapatkan keseronokan sehinggakan Freud melihat manusia sebagai makhluk bernyawa yang sentiasa memenuhi keinginan dan sumber kehidupan. Melalui konsep libido, Freud mengetengahkan pemahaman bahawa tingkah laku seksual bukan hanya didorong oleh keinginan fizikal tetapi juga dipengaruhi oleh pengalaman perkembangan awal, konflik dalaman, dan struktur psikologi seseorang. Dalam konteks ini jelas menunjukkan bahawa setiap manusia mempunyai keinginan termasuklah kehidupan seksual yang positif. Akan tetapi perkara ini telah disalah gunakan apabila anasir negatif yang telah menjadikan tingkah laku seksual ini sebagai elemen keseronokan tanpa batasan. Sehinggakan hal buruk berlaku dalam kehidupan manusia terutamanya melibatkan golongan remaja yang sedang menghadapi zaman peralihan dari kanak-kanak ke alam dewasa.

Hal ini dapat dilihat melalui laporan-laporan dan berita yang dilaporkan pada masa kini yang mana melibatkan remaja dalam kes atau jenayah seksual. Sebagai contoh melalui laporan akhbar Berita Harian (2024) telah menyatakan bahawa peningkatan jumlah remaja yang berusia 19 tahun ke bawah terlibat dengan jenayah seksual pada tahun 2023 meningkat sebanyak 30 peratus berbanding 2022 di mana lebih 470 remaja di tahan. Berita ini turut di nyatakan melalui statistik yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) di mana menurut ketua penolong pengarah siasatan jenayah SAC Siti Kamsiah melaporkan bahawa Selangor merekodkan kes jenayah seksual paling tinggi dalam tempoh tiga tahun lepas di ikuti dengan negeri – negeri maju seperti Pulau Pinang, Johor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Menurut laporan itu, terdapat 3,102 kes jenayah seksual yang dilaporkan di Malaysia pada 2020, meningkat secara berterusan kepada 3,179 kes pada 2021 dan 3,303 kes pada 2022. Kira-kira separuh daripada jenayah ini dilakukan terhadap mereka yang berumur di bawah 18 tahun, tetapi perkadaran mangsa bawah umur adalah lebih tinggi apabila melibatkan kesalahan yang lebih serius seperti rogol (85.6 peratus pada 2022) dan sumbang mahram (89 peratus pada 2022) (Polis Diraja Malaysia, 2023). Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada tahun 2021 juga menunjukkan bahawa terdapat 91 kes remaja perempuan yang direkodkan hamil luar nikah yang dirujuk ke JKM. Ini menunjukkan bahawa saban tahun kes kehamilan luar nikah semakin meningkat di mana melalui rekod statistik yang dikeluarkan oleh PDRM juga menunjukkan bahawa peningkatan kes pembuangan bayi di negara ini semakin meningkat di mana sebanyak sejumlah 256 kes pembuangan bayi direkodkan sepanjang 2020 hingga 2022 (Polis Diraja Malaysia, 2023).

Laporan daripada The Star (2023) turut berkongsi mengenai peningkatan yang membimbangkan dalam kes rogol melibatkan remaja di Malaysia. Statistik terkini menunjukkan bahawa bilangan kes rogol yang

melibatkan individu di bawah umur meningkat secara ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Laporan ini memaparkan data yang menunjukkan trend peningkatan ini di mana sebanyak 15 peratus kes remaja yang di rogol meningkat dalam tempoh 2 tahun lepas. Antara faktor penyumbang kepada peningkatan kes ini adalah disebabkan tekanan sosial seperti ketidakstabilan keluarga dan pengaruh media masa dan persekitaran digital yang menjadi penyumbang dalam peningkatan kes jenayah rogol ini.

Jika dilihat pada peningkatan ini juga, menurut laporan akhbar New Strait Time (2024) telah menyiarkan faktor yang menunjukkan lonjakan dalam laporan kes rogol, gangguan seksual, dan penderaan seksual melibatkan individu di bawah umur 18 tahun. Di mana demografi mangsa dan pelaku adalah mangsa kebanyakan remaja perempuan, dengan pelaku yang terdiri daripada pelbagai latar belakang, termasuk orang dewasa dalam komuniti dan rakan sebaya. Perkara ini berlaku disebabkan kerana mangsa mengenali pelaku melalui media sosial atau aplikasi yang mudah menjadi penghubung untuk mereka saling mengenali dan berjumpa. Perkara ini telah memberi peluang dan ruang untuk pelaku mengambil kesempatan kepada mangsa yang naif atau mangsa yang dianggap istimewa.

Menurut aktivis sosial Syed Azmi Alhabshi dalam kenyataan bagi Astro Awani (2021) pula menyatakan bahawa kewujudan aplikasi media sosial yang mudah di akses kini merupakan cabaran yang sangat rumit kerana remaja kini mudah terdedah dengan sesuatu yang baru dan sifat ingin mencuba sesuatu perkara tersebut seperti aplikasi '*sugarbook*' yang menjadi perhatian masyarakat kebelakangan ini yang merupakan aplikasi yang tidak bermoral dan tidak senonoh di negara ini (Astro Awani, 2021). Hal ini kerana, melalui aplikasi sedemikian, remaja yang kurang pengetahuan dan mahu berseronok akan meneroka perkara yang tidak sepatutnya termasuklah berkongsi gambar peribadi dan maklumat berkaitan dengan diri mereka. Menurutnya lagi kanak-kanak dan remaja pada masa ini masih bergelut dengan krisis identiti dan mengalami kesukaran mencari tujuan kehidupan. Disebabkan itu, pengaruh sosial yang negatif akan memberi impak yang buruk kepada kehidupan awal remaja kini.

Aktiviti pergaulan bebas serta akses yang mudah bagi mendapatkan bahan lucah di Internet merupakan di antara punca yang dikenal pasti menjadi isu utama dalam peningkatan kes seksual terutamanya kes rogol dalam kalangan remaja sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Hal ini di sokong dengan laporan yang dikeluarkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) (2019), yang menyatakan bahawa peningkatan yang drastik kes jenayah seksual terutamanya yang melibatkan kes remaja yang terlibat dengan rogol semakin meningkat sejak kebelakangan ini, terdapat pelbagai punca yang menyebabkan remaja terlibat dengan aktiviti seks bebas ini. Menurutnya lagi kes jenayah seksual ini mencatatkan jumlah 480 kes yang melibatkan kes rogol yang telah dilaporkan dan jumlah itu meningkat kepada 491 kes bagi pada tahun 2019 (Mohd Azis Ngah, 2019).

Jelaslah menunjukkan bahawa peningkatan kes masalah sosial dalam kalangan remaja kini semakin tidak dapat dibendung. Hal ini kerana remaja bijak menyembunyikan aktiviti mereka tanpa disedari oleh sesiapa termasuklah anggota keluarga iaitu ibu bapa dan adik beradik mereka. Malah, remaja juga bijak merahsiakan aktiviti atau pasangan yang dikenali mereka dari khalayak umum sehingga perkara ini tidak disedari oleh sesiapa pun. Akibatnya, apabila berlaku sesuatu isu atau masalah yang melanda kepada remaja tersebut baru ia terbongkar.

LANGKAH-LANGKAH MENGATASI TINGKAH LAKU SEKSUAL DALAM KALANGAN REMAJA

Tingkah laku seksual yang tidak diinginkan atau bermasalah telah menjadi isu yang semakin mendapat perhatian dalam masyarakat kita. Pelbagai faktor seperti kurangnya pendidikan seksual yang memadai, pengaruh media massa, dan pengaruh barat yang turut menyumbang kepada peningkatan insiden tingkah laku seksual yang tidak sesuai. Masalah ini bukan sahaja memberi impak negatif kepada individu yang terlibat, tetapi juga kepada komuniti dan masyarakat secara keseluruhan. Pentingnya memahami dan mengatasi tingkah laku seksual yang bermasalah serta tidak boleh dipandang remeh. Kajian lepas menunjukkan bahawa pendekatan yang komprehensif dan holistik diperlukan untuk menangani isu ini secara efektif. Ini melibatkan kombinasi pendidikan, intervensi psikologikal dan kaunseling, sokongan sosial, penguatkuasaan undang-undang, dan dalam bidang perubatan.

Melalui kajian dan pandangan diutarakan oleh beberapa penyelidik lepas, terdapat pelbagai langkah yang efektif yang boleh dilakukan untuk mengawal serta mengatasi masalah tingkah laku seksual dalam kalangan remaja dan belia di negara ini. melalui kajian yang dilaksanakan Awang et al. (2014) di mana kajian ini meneliti pengetahuan dan sikap remaja mengenai pendidikan seksual di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan remaja mempunyai pengetahuan asas mengenai kesihatan seksual, tetapi terdapat kekurangan dalam pemahaman yang lebih mendalam. Kajian ini menekankan perlunya pendidikan seksual yang lebih komprehensif dan berstruktur di sekolah-sekolah. Pendekatan pendidikan seksual di sekolah masih lagi rendah kerana kurangnya pendedahan yang diberikan kepada guru-guru untuk mengajar subjek berkaitan dengan seksualiti remaja.

Kajian oleh Nur Fariduddin et al. (2021) mendapati bahawa tahap pengetahuan dan kesedaran remaja terhadap kesihatan seksual dan reproduktif adalah tinggi secara keseluruhan. Intervensi pendidikan seksual di sekolah terbukti berkesan dalam meningkatkan pemahaman pelajar tentang isu seperti perubahan fizikal dan pencegahan penyakit jangkitan seksual. Namun, terdapat perbezaan mengikut jantina dan tahap pengajian, menunjukkan keperluan pendekatan yang lebih menyeluruh dan sesuai dengan tahap perkembangan remaja. Dalam pada itu, kajian yang dilaksanakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) (2017) mengenai keberkesanan program pendidikan seksual yang mereka laksanakan di sekolah-sekolah dan komuniti. Hasil kajian menunjukkan bahawa program ini berjaya meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan reproduktif dalam kalangan remaja.

Selain itu, di Malaysia dalam mengatasi tingkah laku seksual yang tidak terkawal adalah melalui perundangan dan pengawasan merupakan langkah penting yang telah di amalkan dalam sistem perlembagaan di Malaysia. Melalui kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad dan Othman (2014) di mana meneliti kesan penguatkuasaan undang-undang jenayah seksual terhadap tingkah laku seksual di Malaysia. Undang-undang seperti Akta Kanak-kanak 2001, Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017, dan Kanun Keseksaan telah membantu dalam mengurangkan insiden jenayah seksual dengan memberikan hukuman yang lebih berat kepada pesalah. Dengan adanya pemerkasaan undang-undang melalui akta yang sewajarnya ia dapat membantu dalam mengawal tingkah laku seksual terutamanya dalam kalangan remaja. Ini membolehkan remaja mempunyai kesedaran agar mereka tahu bahawa setiap perlakuan yang dilakukan atau jenayah mempunyai hukuman yang berat dan mereka termaktub dengan undang-undang.

Kajian oleh dilaksanakan oleh Nair (2017) berkenaan dengan peranan penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak di Malaysia menyatakan bahawa ia satu langkah penting dalam usaha

negara untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak dengan lebih efektif. Menurutnya lagi, dengan penubuhan mahkamah ini ia meningkatkan kelajuan dalam penyelesaian kes di mana statistik menunjukkan bahawa kes-kes yang dibawa ke mahkamah ini diselesaikan dengan lebih cepat berbanding dengan mahkamah biasa. Dalam pada itu, mangsa yang terlibat dalam kes jenayah seksual menunjukkan pengurangan dalam tahap trauma kerana suasana mahkamah yang lebih mesra kanak-kanak dan sokongan psikologi yang disediakan. Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak adalah satu langkah progresif dalam usaha Malaysia untuk menangani jenayah seksual terhadap kanak-kanak dengan lebih efektif dan berperikemanusiaan. Dengan adanya mahkamah ini, diharapkan mangsa jenayah seksual kanak-kanak dapat menerima keadilan dengan cepat dan trauma mereka dapat dikurangkan melalui pendekatan yang lebih mesra dan sokongan yang menyeluruh.

Dalam pada itu, antara langkah lain ialah program kesedaran dan pencegahan yang dijalankan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Ia merupakan salah satu usaha penting untuk mengurangkan jenayah seksual di Malaysia. Menurut kajian oleh Hassan dan Hashim (2016), program-program ini dirancang untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai jenayah seksual dan memberikan pendidikan serta sokongan yang diperlukan untuk mencegah tingkah laku seksual yang tidak diingini. Ini kerana, PDRM telah mengenal pasti bahawa peningkatan kesedaran awam adalah kunci untuk mencegah jenayah seksual. Di samping itu, dengan adanya program ini ia membantu meningkatkan kesedaran di mana dengan memberi maklumat kepada masyarakat mengenai jenis-jenis jenayah seksual, faktor risiko, dan cara-cara untuk melindungi diri. Program kesedaran dan pencegahan oleh PDRM adalah satu usaha yang komprehensif dan penting dalam usaha mencegah jenayah seksual di Malaysia. Melalui ceramah, bengkel, kempen kesedaran, latihan kepada pegawai polis, dan sokongan kepada mangsa, PDRM berusaha untuk meningkatkan kesedaran awam dan mengurangkan insiden jenayah seksual.

Kerjasama antara agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) memainkan peranan penting dalam menangani jenayah seksual di Malaysia. Kajian yang dilaksanakan oleh Ibrahim dan Afiah (2015) memberikan pandangan mendalam mengenai keberkesanan kerjasama ini dalam menangani isu jenayah seksual, terutama terhadap kanak-kanak dan remaja. Melalui dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa dengan adanya sokongan NGO dalam membantu seperti penyediaan sokongan dan perlindungan kepada mangsa jenayah seksual dengan adanya pusat krisis bagi membantu agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat dan NGO seperti Women's Aid Organisation (WAO) telah membentuk pusat krisis untuk memberikan perlindungan sementara, kaunseling, dan bantuan undang-undang kepada mangsa jenayah seksual. Selain itu, penyediaan perkhidmatan kaunseling di mana NGO yang pakar dalam isu jenayah seksual menyediakan kaunseling yang sensitif dan berpusatkan mangsa, sementara agensi kerajaan membantu daripada segi sumber dan fasiliti. Hal ini bukan sahaja memberi kesedaran kepada mangsa malah antara langkah dalam melindungi mangsa atau remaja yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan hubungan seks atau tingkah laku seksualiti yang tidak terkawal. Kerjasama antara agensi kerajaan dan NGO adalah penting dalam usaha menangani jenayah seksual di Malaysia.

Langkah-langkah untuk mengatasi tingkah laku seksual dalam kalangan remaja di Malaysia adalah usaha komprehensif yang melibatkan pelbagai pendekatan dari aspek pendidikan, perundangan, dan pengawasan. Melalui pendidikan seksual yang menyeluruh dan berterusan, remaja dapat diberikan pengetahuan dan pemahaman yang mendalam tentang isu-isu seksual dan implikasi tingkah laku yang tidak diingini. Pendidikan seksual bukan hanya mengenai aspek biologi, tetapi juga merangkumi aspek emosional, sosial, dan moral yang membantu remaja membuat keputusan yang bijak dan bertanggungjawab. Kesimpulannya, mengatasi tingkah laku seksual dalam kalangan remaja memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan pendidikan, penguatkuasaan undang-undang,

pengawasan, dan kesedaran awam. Hanya dengan usaha bersama dari semua pihak, ia dapat mewujudkan persekitaran yang selamat dan harmoni untuk remaja di Malaysia.

PELAKSANAAN INTERVENSI KAUNSELING BERKAITAN SEKSUALITI REMAJA

Intervensi kaunseling berkaitan seksualiti remaja di Malaysia adalah suatu usaha yang penting dan semakin mendapat perhatian. Remaja berada dalam fasa perkembangan yang kritikal di mana mereka mula memahami dan meneroka identiti seksual mereka. Dalam konteks budaya dan agama yang berbeza, remaja di Malaysia sering menghadapi pelbagai cabaran dan kekeliruan dalam menangani isu-isu berkaitan seksualiti. Oleh itu, kaunseling yang khusus dalam bidang ini adalah sangat diperlukan untuk menyediakan ruang yang selamat dan tanpa prejudis bagi remaja berkongsi pengalaman dan kebimbangan mereka. Kaunselor yang terlatih dapat membantu remaja memahami perubahan yang berlaku dalam diri mereka serta memberikan panduan yang betul mengenai tingkah laku seksual yang selamat dan bertanggungjawab. Selain itu, intervensi kaunseling ini juga bertujuan untuk mengurangkan risiko tingkah laku seksual yang berbahaya, seperti hubungan seks yang tidak terkawal. Ini bukan sahaja dapat membantu dalam memperkukuh kesihatan fizikal remaja, tetapi juga kesihatan mental dan emosi mereka.

Terdapat banyak kajian lepas dalam meneroka penglibatan intervensi kaunseling berkaitan seksualiti ini, terutamanya di peringkat sekolah, pengajian tinggi mahupun agensi-agensi kerajaan terutamanya. Melalui kajian yang dijalankan oleh Zulkifli Abdullah et al. (2019) berkenaan keberkesanan program kaunseling berasaskan sekolah dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja telah menunjukkan bahawa program ini melibatkan sesi kaunseling individu dan kelompok serta penggunaan bahan pendidikan interaktif. Hasil kajian menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan mengenai kesihatan seksual dan pengurangan dalam tingkah laku seksual berisiko di kalangan pelajar. Malah melalui intervensi kaunseling tersebut menunjukkan peningkatan yang ketara dalam pengetahuan pelajar mengenai kesihatan seksual selepas mereka mengikuti program kaunseling ini. Pelajar lebih memahami risiko-risiko yang berkaitan dengan tingkah laku seksual yang tidak selamat dan pentingnya menjaga kesihatan seksual.

Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Farah Nadia et al. (2020) yang menyentuh intervensi kaunseling keluarga dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko telah melihat kepada keberkesanan kaunseling keluarga yang memberi impak dan pengaruh dalam mengurangkan tingkah laku seksual ini. Menurutny, intervensi kaunseling keluarga adalah satu pendekatan yang efektif dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja kerana perkembangan awal remaja bermula dari rumah. Ia menekankan pentingnya peranan aktif keluarga dalam memberikan sokongan dan bimbingan yang diperlukan oleh remaja dalam menguruskan seksualiti mereka. Hasil kajian ini juga membuktikan bahawa peranan ibu bapa yang aktif dalam memberi sokongan kepada anak-anak melalui pendekatan berasaskan keluarga iaitu melibatkan persekitaran yang positif dalam keluarga. Malahan itu, melalui kaunseling keluarga serta keterampilan kaunselor dalam membantu mengendalikan sesi terutamanya berkaitan dengan isu-isu seksualiti dan keperluan keluarga dapat memberi satu gambaran untuk suatu perubahan yang holistik.

Kajian yang dilaksanakan oleh Nurul Hidayah Hassan et al. (2021) telah menyentuh bahawa melalui pendekatan kaunseling dan intervensi yang menyeluruh dalam menangani isu remaja telah memberi kesan yang positif. Hal ini membuktikan keberkesanan pendekatan intervensi kaunseling yang holistik dalam mengintegrasikan aspek psikologi, sosial, dan rohani dalam menangani tingkah laku seksual

berisiko di kalangan remaja adalah bermula di peringkat sekolah. Melalui kajian yang telah dilaksanakan ini juga menunjukkan bahawa pendekatan kaunseling adalah satu pendekatan yang efektif dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja. Pendekatan ini bukan sahaja membantu dalam meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental remaja tetapi juga dalam pembangunan nilai-nilai positif dan etika seksualiti. Malah melalui kajian ini menyatakan bahawa kesejahteraan emosi dan mental merupakan perkara yang penting yang perlu di beri perhatian terutamanya kepada remaja yang sedang melalui zaman peralihan. Dalam pada itu, tingkah laku seksual berisiko dapat dikurangkan secara efektif terutamanya dengan pendedahan berkaitan seksualiti yang selamat kepada remaja yang sedang melalui konflik dalam diri mereka. Peranan yang penting terutamanya kaunselor dalam membantu remaja dapat memberi makna kepada remaja tersebut yang sedang bergelut dengan isu seksualiti dalam kehidupan mereka.

Dalam pada masa yang sama, kajian tempatan oleh Nor Zainudin et al. (2021) mengenai "Gender vs. Client Satisfaction in E-Counseling Services" menunjukkan bahawa e-kaunseling mendapat penerimaan yang baik dalam konteks sekolah, dengan klien lelaki melaporkan kepuasan yang lebih tinggi terhadap kaunseling dalam talian berbanding sesi tatap muka. Penemuan ini memperkukuh dakwaan bahawa penggunaan teknologi dalam intervensi kaunseling bukan sahaja meningkatkan akses kepada maklumat dan sokongan, tetapi turut menyokong kesejahteraan emosi dan mental remaja. Akses melalui aplikasi mudah alih dan platform dalam talian memungkinkan interaksi yang lebih selamat dan kurang stigma, membolehkan remaja secara peribadi meluahkan pandangan serta perasaan tanpa bersemuka, menjadikan pendekatan ini lebih dekat dengan gaya hidup mereka. Pendekatan ini bukan sahaja membantu meningkatkan akses kepada maklumat dan sokongan tetapi juga meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental remaja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi dalam kalangan remaja lebih dekat dengan diri remaja. Hal ini kerana, akses kepada setiap perkara memudahkan remaja untuk mendapatkan maklumat melalui aplikasi mudah alih dan platform dalam talian. Di samping itu, remaja dapat memberanikan diri mereka untuk menyuarakan pandangan mereka walaupun tidak secara bersemuka dan memberi kemudahan kepada remaja yang terlibat untuk mereka mendapatkan khidmat kaunseling secara atas talian.

Terdapat kajian lepas yang melihat keberkesanan program pendidikan seksualiti dan kaunseling di peringkat sekolah di mana keberkesanan program pendidikan seksualiti yang digabungkan dengan sesi kaunseling berkala di sekolah menengah di Malaysia telah menghasilkan impak yang positif melalui kerjasama dari remaja. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa program pendidikan seksualiti yang digabungkan dengan sesi kaunseling berkala adalah satu pendekatan yang efektif dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan pelajar sekolah menengah. Program ini bukan sahaja membantu meningkatkan pengetahuan dan sikap positif terhadap seksualiti tetapi juga meningkatkan kesedaran mengenai hak-hak seksual pelajar. Melalui kajian ini juga menunjukkan bahawa pendekatan yang komprehensif melalui modul pendidikan yang menyeluruh dan kaunseling yang berskala dalam memastikan pemahaman yang mendalam dan berterusan mengenai isu- isu seksualiti. Dalam pada masa yang sama, penglibatan guru dan kaunselor memainkan peranan dalam membantu remaja untuk menghadapi isu yang terjadi dalam kehidupan remaja kini.

Seterusnya, kajian oleh Abidin dan Ibrahim (2022) turut membincangkan pendekatan intervensi kaunseling yang memainkan peranan penting dalam menangani tingkah laku seksual remaja. Melalui kajian ini jelas menunjukkan bahawa teknik-teknik kaunseling seperti terapi kognitif-tingkah laku, kaunseling individu, dan kaunseling kumpulan diperkenalkan sebagai alat yang berkesan dalam memodifikasi tingkah laku seksual. Malah dapatan kajian ini juga turut menyatakan bahawa pendekatan seperti pendidikan seksual yang menyeluruh, serta penggunaan teknik kaunseling yang bersifat

preventif dan pencegahan, adalah penting dalam membantu remaja. Hal ini demikian kerana program kaunseling yang melibatkan perbincangan terbuka dan tanpa penilaian membantu remaja merasa selesa dan lebih terbuka tentang isu seksual yang mereka hadapi. Menurutnya lagi intervensi kaunseling yang berfokus pada tingkah laku seksual dapat memberikan perubahan positif dalam sikap dan tingkah laku remaja. Ini termasuk pengurangan risiko terlibat dalam aktiviti seksual yang tidak selamat dan peningkatan kesedaran tentang kesihatan seksual.

Di samping itu, kajian oleh Lee dan Rahman (2021) turut membincangkan kesan program intervensi kaunseling terhadap tingkah laku seksual remaja di mana hasil kajian menunjukkan bahawa program intervensi yang dijalankan secara sistematik dan berstruktur mempunyai kesan positif dalam membantu remaja memahami dan mengawal tingkah laku seksual mereka. Dalam pada itu, penglibatan remaja dalam program intervensi adalah penting bagi memberi ruang kepada remaja untuk menyuarakan pandangan mereka dan berbincang secara terbuka mengenai kehidupan dan sejarah yang telah berlaku kepada diri mereka. Melalui kajian tersebut juga, menunjukkan bahawa terdapat pengurangan dalam tingkah laku seksual berisiko tinggi di kalangan remaja yang mengikuti program intervensi kaunseling. Ini termasuk penurunan dalam kadar aktiviti seksual dan peningkatan dalam penggunaan perlindungan seperti kondom. Remaja juga menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan tentang kesihatan seksual dan tanggungjawab seksual selepas mengikuti program-program ini.

Kajian oleh Ahmad dan Othman (2023) turut membincangkan berkenaan tingkah laku seksual remaja di Malaysia dengan menilai trend dan pola tingkah laku seksual mereka. Kajian mendapati bahawa tingkah laku seksual remaja di Malaysia dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk pendidikan, norma budaya, dan faktor sosioekonomi. Data menunjukkan bahawa terdapat peningkatan dalam aktiviti seksual di kalangan remaja, tetapi terdapat juga variasi berdasarkan lokasi geografi (bandar dan luar bandar) dan latar belakang keluarga. Melalui kajian ini dilihat bahawa intervensi keberkesanan strategi kaunseling digunakan melalui pendekatan yang menggabungkan pendidikan seksual dengan sokongan emosi serta kaunseling yang berfokuskan kepada tingkah laku telah menunjukkan hasil yang positif dalam mengubah tingkah laku seksual remaja. Program yang menggunakan pendekatan interaktif, seperti simulasi dan perbincangan kumpulan, menunjukkan perubahan dalam sikap dan tingkah laku seksual remaja yang terlibat dengan kajian ini.

Dalam mendepani isu intervensi kaunseling berkaitan dengan seksualiti ini, tidak ketinggalan agensi-agensi kerajaan yang turut memainkan peranan dalam memberi penekanan terhadap tingkah laku seksual berisiko. Menerusi bidang Kesihatan yang diterajui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan agensi sosial seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah melaksanakan kepelbagaian strategi untuk berhadapan dengan isu seksualiti (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2021, 2022). Ini memberi makna dalam usaha menangani isu seksualiti di Malaysia, aspek kesihatan seksual dan reproduktif diberi penekanan dan perhatian yang utama di mana maklumat dan pengetahuan yang menyeluruh tentang kesihatan reproduktif dan seksual telah di beri perhatian yang sewajarnya dengan penglibatan agensi-agensi.

Dapatlah disimpulkan bahawa, intervensi kaunseling memainkan peranan penting dalam mengatasi tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja di Malaysia. Melalui pelbagai pendekatan seperti kaunseling berasaskan sekolah, kaunseling keluarga, pendekatan holistik, dan penggunaan teknologi, intervensi ini telah menunjukkan keberkesanan yang signifikan. Dalam pada itu juga, keberkesanan program kaunseling berasaskan sekolah dalam meningkatkan pengetahuan seksual dan mengurangkan

tingkah laku seksual berisiko. Malahan itu, menunjukkan bahawa kaunseling keluarga dapat memperbaiki komunikasi keluarga dan menyokong remaja dalam isu-isu seksualiti. Kajian–kajian lepas mendapati bahawa pendekatan kaunseling holistik yang merangkumi aspek psikologi, sosial, dan rohani dapat meningkatkan kesejahteraan emosi dan mental remaja. Justeru itu, menilai penggunaan teknologi dalam kaunseling dan mendapati ia dapat meningkatkan akses dan penglibatan remaja dalam program kaunseling juga merupakan aspek penting dalam dunia teknologi kini. Peranan dari agensi kerajaan juga turut membantu remaja- remaja untuk mendapat pendedahan yang sewajarnya melalui pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual. Keseluruhannya, intervensi kaunseling ini terbukti berkesan dalam menangani isu-isu seksualiti remaja.

KESIMPULAN

Saban hari isu-isu sosial yang bersifat seksual seperti kehamilan, pembuangan bayi, hubungan seks bebas, interaksi seks secara atas talian, kegiatan homoseksual dan jangkitan penyakit berjangkit seperti penyakit kelamin dan HIV/AIDS semakin membimbangkan dalam kalangan remaja masa kini. Di tambah pula dengan perkembangan dunia tanpa sempadan telah memberi impak yang besar terhadap sosiobudaya serta gaya hidup masyarakat di Malaysia ini. Untuk mengatasi masalah ini, intervensi kaunseling membawa manfaat besar. Jika dilihat intervensi kaunseling berasaskan sekolah, seperti yang ditunjukkan dalam kajian– kajian lepas yang dilaksanakan, memberikan platform untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran remaja tentang kesihatan seksual serta mengubah sikap mereka terhadap tingkah laku seksual. Program ini tidak hanya memberikan informasi yang tepat tetapi juga membina kemahiran interpersonal dan pengurusan emosi yang membantu remaja membuat keputusan yang lebih baik.

Pendekatan yang melibatkan remaja secara aktif melalui perbincangan interaktif dan latihan praktikal membantu mereka memahami dan mengatasi tekanan sosial yang mendorong tingkah laku seksual berisiko. Keberkesanan intervensi kaunseling ini semakin jelas apabila remaja menunjukkan peningkatan dalam pengetahuan seksual, pengurangan dalam aktiviti seksual berisiko, dan perkembangan dalam kemahiran membuat keputusan yang lebih baik. Oleh itu, menjadi tanggungjawab remaja untuk menjaga kehormatan diri mereka serta menjauhkan diri daripada anasir-anasir negatif yang boleh merosakkan diri remaja terutamanya apabila terlibat dengan salah laku seksual yang boleh memberi kesan negatif termasuklah kepada kesihatan fizikal, mental dan sosial.

Kajian mengenai tingkah laku seksual remaja di Malaysia dan strategi kaunseling yang digunakan menunjukkan bahawa tingkah laku seksual remaja dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti pendidikan, norma budaya, dan latar belakang keluarga. Peningkatan aktiviti seksual di kalangan remaja, terutama di kawasan bandar, menimbulkan keperluan mendesak untuk intervensi kaunseling yang berkesan. Strategi kaunseling yang telah diterapkan termasuk pendidikan seksual yang menyeluruh, kaunseling individu dan kumpulan, serta latihan kemahiran hidup. Pendekatan yang menggabungkan pendidikan dengan sokongan emosi menunjukkan keberkesanan yang lebih tinggi dalam mengubah sikap dan tingkah laku seksual remaja. Program intervensi kaunseling yang efektif tidak hanya memberikan maklumat mengenai risiko dan tanggungjawab seksual, tetapi juga menawarkan sokongan emosi yang diperlukan untuk membuat perubahan yang berterusan.

Dalam pada itu, jika melihat kepada kaunseling keluarga, ia memberikan kesempatan kepada remaja untuk berkomunikasi secara terbuka dengan ibu bapa tentang isu-isu seksualiti, menguatkan hubungan keluarga, dan menetapkan nilai-nilai yang positif dalam hubungan dan komunikasi. Ini memberi mereka

sokongan yang diperlukan untuk memahami dan mengelakkan tingkah laku seksual berisiko. Malahan itu juga, pendekatan holistik, seperti yang diperincikan dalam kajian lepas di mana mengintegrasikan aspek psikologi, sosial, dan rohani, membantu dalam pengurusan emosi dan mental remaja dalam konteks seksualiti. Ini tidak hanya mengatasi tingkah laku seksual berisiko tetapi juga meningkatkan kesejahteraan emosi secara keseluruhan. Perkara ini memberi ruang dan peluang dalam dunia kaunseling bagi meneroka dengan lebih mendalam mengenai isu yang sedang berlaku dalam kehidupan remaja, terutamanya berkaitan dengan seksualiti. Ini memberi gambaran menyeluruh bahawa isu berkenaan tidak boleh dipandang enteng.

Dalam pada masa yang sama, penggunaan teknologi dalam kaunseling, turut memberikan akses yang lebih mudah kepada remaja untuk mendapatkan bantuan dan maklumat mengenai seksualiti, yang sering kali merupakan topik yang sensitif. Aplikasi mudah alih dan platform dalam talian menyediakan ruang yang aman dan menjamin privasi untuk remaja berbincang dan mendapat sokongan. Malahan itu, kerjasama dari agensi kerajaan juga turut memberi peluang dan ruang melalui agensi yang berkaitan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memberi kesedaran dan memperluaskan pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti dalam kalangan remaja. Perkara ini sedikit sebanyak memberi ruang dan peluang kepada remaja untuk mendapat pendedahan dan tambahan dari apa yang dipelajari oleh mereka sama ada di sekolah atau di media sosial.

Di samping itu juga, melihat kepada langkah-langkah untuk mengatasi tingkah laku seksual berisiko melalui intervensi kaunseling termasuk peningkatan kesedaran dan pendidikan seksual yang lebih awal dan menyeluruh di sekolah-sekolah. Program pendidikan seksual harus merangkumi aspek-aspek penting seperti hubungan yang sihat, persetujuan, penggunaan kaedah kontrasepsi yang selamat, dan risiko penyakit kelamin. Ini perlu disokong dengan sesi kaunseling yang berterusan untuk memastikan remaja memahami dan mampu mengendalikan tekanan seksual yang mereka hadapi. Selain itu, melibatkan keluarga dalam proses pendidikan seksual dan kaunseling adalah kunci untuk mencipta persekitaran yang menyokong di rumah. Ibu bapa perlu diberi pendidikan tentang pentingnya berkomunikasi dengan anak-anak mereka tentang seksualiti secara terbuka dan menyokong setiap tindakan positif yang dilakukan oleh anak-anak mereka. Sokongan dari komuniti, termasuk dari institusi keagamaan dan masyarakat tempatan, juga penting untuk mengukuhkan nilai-nilai yang positif dan etika dalam hubungan dan tingkah laku seksual.

Namun, kejayaan intervensi kaunseling juga bergantung pada mengatasi cabaran seperti stigma sosial, kekurangan sumber, dan latihan yang tidak mencukupi untuk kaunselor. Dengan menangani cabaran-cabaran ini dan memperbaiki program intervensi, kita dapat memastikan bahawa lebih ramai remaja mendapat manfaat daripada intervensi dan program-program kaunseling yang berkesan. Secara keseluruhan, melalui kajian-kajian yang telah dilaksanakan telah menegaskan bahawa dengan intervensi kaunseling yang tepat, remaja yang terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko dapat mengalami perubahan yang positif dan mencapai keputusan yang lebih baik dalam hidup mereka. Oleh itu, intervensi kaunseling yang menyeluruh adalah penting untuk mengurangkan risiko ini. Keberkesanan kaunseling dalam membantu remaja berubah ke arah tingkah laku yang lebih selamat dan bertanggungjawab adalah kunci dalam menangani isu ini.

Secara keseluruhan, intervensi kaunseling tidak hanya membantu dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko tetapi juga membina landasan yang kukuh untuk perkembangan emosi, sosial, dan mental remaja dalam konteks seksualiti. Dengan menyediakan akses yang mudah kepada maklumat yang tepat, membina hubungan yang sihat di dalam dan luar keluarga, serta mengintegrasikan

pendidikan seksual yang menyeluruh, kita dapat membantu remaja menghadapi cabaran-cabaran yang kompleks dalam memahami dan menguruskan aspek-aspek seksualiti mereka. Malah melalui pendekatan yang sewajarnya ia dapat membantu remaja untuk menghadapi zaman keremajaan mereka dengan lebih baik sebelum melangkah ke alam dewasa. Pendekatan intervensi kaunseling ini juga turut membantu kaunselor untuk membina daya tahan dan meningkatkan kompetensi kaunselor dalam menjalankan sesi kaunseling yang lebih efektif dan berkesan kepada remaja terutamanya apabila berhadapan dengan remaja yang terlibat dengan isu atau kes berkenaan tangkah laku seksual ini.

RUJUKAN

- Abdul, W., Mutalib, A., Saleh, N., & Mohamad. (2022, June 25). *Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan*. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/361560133_Permasalahan_Keruntuhan_Akhlak_dalam_Kalangan_Remaja_Muslim_di_Malaysia_Isu_Cabaran_dan_Cadangan_Penyelesaian
- Abidin, Z., & Ibrahim, M. (2022). Peranan kaunseling dalam menangani tingkah laku seksual di kalangan remaja di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Kaunseling*, 15(3), 4560.
- Ahmad, S., & Othman, Z. (2014). The role of legal framework in the prevention of sexual offenses in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 4(4), 288-292.
- Astro Awani. (2021, Februari 15). *Isu Sugarbook: Selain undang-undang, berikut 10 saranan menangani gejala sosial*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/isu-sugarbook-selain-undangundang-berikut-10-saranan-menangani-gejala-sosial-283178>
- Awang, H., Wong L. P., Jani R., & Low W. Y. (2014). Knowledge of sexual and reproductive health among adolescents attending school in Kelantan, Malaysia. *Southeast Asian Journal of Tropical Medicine and Public Health*, 45(5), 1178-1185.
- Azizi Yahaya. (2005). *Psikologi sosial alam remaja*. PTS Publications & Distributors.
- Azman, N., Lee, S. H., & Kumar, R. (2023). Hormonal changes and emotional development in Malaysian adolescents: A cultural perspective. *Journal of Southeast Asian Development Studies*, 12(1), 45–60.
- Bernama. (2024, May 12). Masalah disiplin remaja antara tiga cabaran utama dihadapi kaum ibu. *Malaysia Gazette*. https://malaysiagazette.com/2024/05/12/masalah-disiplin-remaja-antara-tiga-cabaran-utama-dihadapi-kaum-ibu/#google_vignette
- Faison, H. (2016). *How to discipline without feeling guilty*. By Melvin L. Silberman and Susan A. Wheelan. Champaign, Ill.: Research Press, 1980 Hawthorne Faison, 1983, 67(461), NASSP Bulletin. <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/019263658306746128?download=true&journalCode=buld>
- Berita Harian. (2024, Oktober 31). *Mangsa jenayah seksual kanak-kanak meningkat*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/11/1318472/mangsa-jenayah-seksual-kanak-kanak-meningkat>
- Farah Nadia et al. (2020). Intervensi kaunseling keluarga dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja. *Jurnal Kaunseling dan Psikologi*, 42(3), 67-89.
- Fareez Azman. (2019, March). Sekatan longgar: Selepas tumblr, kini twitter pula jadi “lubuk” penagih seks. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sekatan-longgar-selepas-tumblr-kini-twitter-pula-jadi-lubuk-penagih-seks-201768>
- Hassan, R., & Hashim, N. (2016). Preventive measures and public awareness campaigns on sexual crimes by royal Malaysia police. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 23(4), 102-115.
- Ibrahim, F., & Afiah, N. (2015). Collaborative efforts between government agencies and NGOs in addressing sexual crimes in Malaysia. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 12(3), 45-60.

- Ismail, K. (2024, July 4). HIV di IPT, pakar saran KPT tegas bangkitkan bahaya homoseksualiti. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com/2024/07/04/hiv-di-ipt-pakar-saran-kpt-tegas-bangkitkan-bahaya-homoseksualiti/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2024, November 13). *Demographic statistics Malaysia, third quarter 2024*. http://www.statistics.gov.my/uploads/release-content/file_20241113114146.pdf
- Khuzairi Ismail. (2022, April). Perkenal dasar sesuai atasi masalah sosial belia yang makin serius. *Utusan Malaysia*. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/perkenal-dasar-sesuai-atasi-masalah-sosial-remaja-yang-makin-serius>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2017, March). *National family planning and reproductive health survey*. <https://www.lppkn.gov.my/lppkngateway/frontend/web/>
- Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2021, Oktober). *Modul cakna diri (ibu bapa & remaja)*. <https://www.lppkn.gov.my/index.php/perkhidmatan-pembangunan-keluarga/172pk0007>
- Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). (2022, September). *Dasar dan pelan tindakan pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial kebangsaan (PEKERTI)*. <https://www.lppkn.gov.my/lppkngateway/frontend/web/index.php?r=portal/article&menu=&id=SnlwSyt2Z1R2aUJZQ25Ic1BWb3I3Zz09>
- Lee, A., & Rahman, N. (2021). Kesan program intervensi kaunseling terhadap tingkah laku seksual remaja. *Jurnal Psikologi dan Pendidikan*, 20(2), 99-113.
- Lumen Learning. (2019). *Psychosexual and psychosocial theories of development*. <https://courses.lumenlearning.com/waymaker-psychology/chapter/lifespan-theories-psychosexual-and-psychosocial-theories/>
- Mohd Azis Ngah. (2019, Oktober 10). Jenayah seksual meningkat, remaja perlu dibimbing. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/10/616789/jenayah-seksual-meningkat-remaja-perlu-dibimbing>
- Mohamed Fadzil Che Din. (2019). *Ancaman sosial semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat Malaysia* [Temu bual radio]. Bernama Radio. <https://www.facebook.com/bernamaradio/videos/temu-bual-bersama-sama-penganalisis-sosial-prof-dr-mohamed-fadzil-che-din-di-tal/10611230075979>
- Nair, P. (2017). Special court for sexual crimes against children: A step forward. *Asian Journal of Law and Society*, 4(2), 345-350.
- Noor Azimah, M. (2023, July 12). *75 peratus remaja Malaysia tonton video dan gambar lucah*. Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://www.ukm.my/sjffper/75-peratus-remaja-malaysia-tonton-video-dan-gambar-lucah/>
- Nor Zainudin, Z., Hassan, S. A., Ahmad, N. A., Mohamad Yusop, Y., & Wan Othman, W. N. (2021). Faktor jantina dan kepuasan klien dalam perkhidmatan e-kaunseling: Gender vs. client satisfaction in e-counseling services. *Sains Insani*, 6(1), 52–58. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no1.238>
- Norsahida et al. (2021). Faktor sosialisasi dalam mempengaruhi tingkah laku individu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6(1), 106-118.
- Muhamad Nur Fariduddin & Ching Sin Siau. (2021). Awareness, knowledge, attitude, and practices towards sexual and reproductive health among secondary school students in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6, 399-412. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.642031>
- Nursyahidah Ibrahim, Nurul Husna Mansor & Yusmini Md Yusoff. (2020). Bentuk-bentuk pemulihan akhlak bagi pesalah seks di Malaysia: Suatu sorotan literatur. *Jurnal Usuluddin*, 48(2), 1-23.
- Nurul Hidayah Hassan et al. (2021). Pendekatan kaunseling holistik dalam menangani tingkah laku

- seksual remaja di Malaysia. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, 44(1), 55-78.
- OpenStax, & Lumen Learning. (2019). *Psychosexual and psychosocial theories of development*. Ucf.edu; Pressbooks. <https://pressbooks.online.ucf.edu/lumenpsychology/chapter/lifespan-theories-psychosexual-and-psychosocial-theories/>
- Polis Diraja Malaysia. (2023, Disember 31). *Rogol, sumbang mahram kes tertinggi babit kanak-kanak*. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2023/12/31/keratan-akhbar-pilihan-rogol-sumbang-mahram-kes-tertinggi-babit-kanak-kanak>
- Santrock, J. W. (2020). *Adolescence (17th ed.)*. McGraw-Hill Education.
- The Star. (2023, December 31). *Rogol, sumbang mahram kes tertinggi babit kanak-kanak*. Polis Diraja Malaysia.
- Utusan Malaysia. (2024, September 3). *14 isu sosial kritikal perlu ditangani dengan segera*. <https://www.utusanborneo.com.my>
- Utusan Malaysia. (2024, Januari 24). *Makin ramai remaja terlibat masalah sosial?* <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2024/01/makin-ramai-remaja-terlibat-masalah-sosial/>
- Wan Abdul Fattah et al. (2022). Isu kemerosotan akhlak dalam kalangan remaja Islam di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian: Permasalahan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia: Isu, cabaran dan cadangan penyelesaian. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 26(2), 47–61. <https://al-qanatir.com/aq/article/view/434>
- Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia. (2019). *Laporan tahunan MCPF 2019*.
- Zulkifli Abdullah et al. (2019). Keberkesanan program kaunseling berasaskan sekolah dalam mengurangkan tingkah laku seksual berisiko di kalangan remaja. *Jurnal Pendidikan dan Kaunseling*, 35(2), 123-145.